

19/03/2004

Thong janji beri khidmat terbaik

IPOH: Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Parlimen Ipoh Timur, Thong Fah Chong, berjanji bekerja keras untuk memberikan khidmat terbaik kepada rakyat, jika menang pada pilihan raya umum Ahad ini.

Beliau percaya pengundi di Parlimen itu tidak akan mempersiapkan undi sebaliknya bijak memastikan kemenangan BN yang dapat menjamin masa depan dan pembangunan berterusan.

"Saya akan berusaha menyelesaikan masalah semua penduduk jika saya menang.

"Ini selaras tanggungjawab kerajaan BN yang memajukan semua pihak tanpa mengira kaum dan agama mereka.

"Sebelum ini juga saya memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan kini saya sangat bersemangat berkempen memastikan kemenangan berpihak kepada BN," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Kerusi itu menjadi tumpuan apabila Thong dari MCA ditentang Pengerusi DAP, Lim Kit Siang. DAP mahu menjadikan Perak sebagai negeri kedua terpenting bagi parti itu.

Thong menang kerusi itu dengan kelebihan 2,127 undi menewaskan Ngeh Koo Ham dari DAP pada 1999.

Pada pilihan raya kali ini, kerusi itu mempunyai 73,325 pengundi dengan Cina sebanyak 85.27 peratus, Melayu (9.82 peratus), India (5.32 peratus) dan selebihnya lain-lain.

Thong berkata, beliau gembira kerana sokongan yang diberikan kepadanya setakat ini sangat baik.

Beliau yakin pengundi Melayu dan India akan terus memberi sokongan padu BN.

"Kita mempunyai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mesra rakyat.

"Oleh itu pengundi Melayu khususnya di semua lapisan menyokong BN," katanya. Jumlah pengundi Melayu lebih 6,500 dan India hampir 4,000 orang boleh menentukan kemenangan atau kekalahan seseorang calon.

Thong berkata, lawatan Abdullah ke Pasir Pinji beberapa hari lalu dan kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini meningkatkan lagi sokongan rakyat kepada BN.

"Inilah kali pertama dalam sejarah 54 tahun, seorang Perdana Menteri melawat Pasir Pinji.